

Tiga Bentuk Jihad Untuk Mengembalikan Kedaulatan Islam

“Agama Islam yang sebenar-benarnya ialah benteng tuan yang teguh kukuh. Agama Islam ialah pokok pangkal kejayaan tuan. Oleh itu, marilah kita menegakkan agama yang hidup ini wahai pemimpin-pemimpin kemanusiaan!”

Oleh: Al-Ustaz Ahmad Maṭṭhar Al-‘Azamah, Damsyik

Sebelum kita merancang sesuatu untuk berkhidmat kepada Islam, maka terlebih dahulu hendaklah kita mengetahui dan menyedari bahawa Islam ialah suatu fahaman pemberontakan cara berfikir.

Islam ialah suatu pemberontakan bagi kaum terpelajar yang salah jalan.

Islam ialah suatu pemberontakan bagi orang yang masih dalam keadaan mundur.

Islam ialah suatu pemberontakan terhadap orang yang memegang kekuasaan dan berlaku zalim dan bermaharajalela.

Islam Ialah Pemberontakan

Islam ialah pemberontakan bagi meruntuhkan dan membina. Islam ialah pemberontakan bagi meruntuhkan kepercayaan pemujaan berhala dan orang besar-besar yang dihormati. Sebaliknya Islam ialah pemberontakan bagi membina keyakinan kepada Allah Yang Maha Esa. Dalam pada itu hendaklah diketahui bahawa Islam mengakui, bahawa fahaman pemberontakan yang berjalan menurut garisannya yang sebenar dan diperlukan oleh masyarakat maka dapat juga diterima dan digalakkan olehnya.

Islam ialah suatu pemberontakan, tetapi hendaklah dijalankan dengan bijaksana dan aman. Kalau kebijaksanaan

dan keamanan masih dapat dijalankan, maka Islam akan meninggalkan pemberontakan berdarah, selama cita-cita yang dikandungnya dapat diwujudkan dengan penerangan dan contoh tauladan. Tetapi apabila anti-pihak Islam menentang dengan cara yang tidak jujur, maka Islam mestilah pula menunjukkan kekuatan dan keberaniannya.

Di dalam kitab suci al-Qur’ān (Surah al-Hujurat, ayat 13), Tuhan berfirman terhadap sekalian manusia (ertinya): “Hai sekalian manusia! Kami jadikan kamu dari lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia dari antara kamu ialah orang yang taqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi teliti.”

Kepada Ahli Kitab pula dihalakan firmanNya (Alī-‘Imrān, 64) ertinya: Wahai Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani), marilah kamu bersama-sama (mengakui dan menunaikan maksud) suatu kalimah yang bersamaan diantara kami (Muslimin) dengan kamu, iaitu: Kita tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tiada mempersekutukannya dengan sesuatu juapun, dan kita tiada mempertuhankan sesama manusia. Kalau sekiranya mereka (Yahudi dan Nasrani) berpaling daripada menerima kebenaran itu) maka berkatalah kamu (Wahai umat Islam): Persaksikanlah

kamu bahawa kami telah Islam (tunduk menerima segala kebenaran yang tersebut).”

Terhadap mereka yang telah beriman pula, Allah *azza wa jalla* berfirman, ertinya: “Maka hendaklah seluruh tubuh dan hatimu terhadap agama (Islam) itu dengan setulus-tulusnya. Itulah bentuk kejadian yang Allah membentuk manusia di atasnya. Tiadalah perubahan bagi ciptaan Allah. Yang demikian, itulah agama yang teguh kukuh, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahuinya. Kembalikan kamu kepada-Nya, bertaqwalah kepada-Nya, dirikanlah sembahyang dan janganlah kamu menjadi dari golongan musyrikin, iaitu dari golongan mereka yang telah berpecah belah dalam agama dan menjadilah berpuak-puak, tiap-tiap sepuak bersuka-ria dengan apa yang ada pada sisinya.” (al-Rum, 29-32).

Dinyatakannya pula persatuan manusia, ibadah dan kemuliaan dalam firman-Nya yang bermaksud: “Sesungguhnya umat kamu (umat Islam) ini, ialah umat yang satu, dan Aku ialah Tuhan kamu, maka sembahlah kamu akan Daku.” (al-Anbiya, 92).

Bangsa Yang Maju

Bangsa Arab, setelah memeluk agama Islam, telah menjadi suatu bangsa yang maju. Mereka telah berkuasa dan memerintah sebahagian yang luas dari dunia ini. Mereka juga telah memajukan akhlak-akhlak yang baik, keadilan dan pertubuhan negara-negara yang diperintahinya itu.

Sebenarnya telah biasa kejadian dalam sejarah, manakala ajaran tauhid menguasai perasaan keagamaan..... maka agama itu akan membuahkan fikiran yang suci lagi cerdas, hati yang jujur, kehidupan tenang bahagia dan akhirnya tumbuhlah kebudayaan.

Dalam masa umurnya masih muda, Islam telah telah menumbuhkan semua yang kami sebutkan itu. Sejarah telah menyaksikan kebenaran yang menerangkan persatuan Islam yang besar itu dan juga persaudaraan yang ditimbulkannya sebagaimana yang telah dinyatakan dalam al-Qur’ān, dalam surah al-Anfāl ayat 63, (ertinya): “.....sekiranya engkau belanjakan segala harta benda yang ada di dunia ini, nescaya tidak engkau akan menimbulkan persatuan diantara hati mereka, tetapi Allah menyatupadukan mereka...”

Sesungguhnya persatuan umat Islam dan kemuliaan mereka sudahlah nyata. Mereka telah memerintah sebahagian dengan adilnya. Segala kemajuan itu telah didapati setelah mereka beriman akan “wujud” dan “keesaan” Allah *‘azza wa jalla*.

Orang yang mengetahui (beriman) akan wujudnya Allah adalah lebih tinggi darjatnya daripada orang yang tidak beriman akan wujud Allah dan yang hanya yakin akan wujud dirinya sendiri dan benda-benda yang disekelilingnya.

Ketika umat menjalankan amal ibadat kepada Allah *‘azza wa jalla* dengan sepenuh-penuh yakin akan kesucian dan ketinggian, dan seolah-olah mereka melihatnya, maka Allah pun mengurniakan mereka apa yang telah dijanjikan di dalam surah al-Rum ayat 47 (ertinya): “Adalah menjadi hak atas Kami menolong orang-orang yang beriman (dengan sebenar-benarnya).”

Sesudah itu, timbullah perubahan dalam perbuatan dan ibadat umat Islam, perubahan itu menimbulkan kemunduran dalam batin mereka, dan akibatnya¹ timbul pula kemunduran dalam pergaulan, siasah, *iqtiṣād* dan kebudayaan mereka.

¹akibatnya

Kemunduran batin, ibadat, akhlak, siasah *iqtiṣād*, pergaulan dan kebudayaan itu sudah tentu menimbulkan pula rasa muram dan sedih dalam kehidupan hari-hari, kezaliman dari pihak yang memegang teraju pemerintahan, tindasan dari pegawai-pegawai negeri, dan bid'ah dari alim ulama bagi menguatkan perintah orang-orang yang berkuasa. Akhirnya tenggelamlah umat Islam dalam kejahilan, kezaliman dengan diliputi oleh awan kegelapan fikiran.....

Kalau kita mengenang kembali akan perasaan muram dan sedih yang dideritai oleh berbagai-bagai negeri umat Islam disebabkan oleh tindasan penjajahan dan racun faham komunis, di timur dan di barat, pada masa yang telah lalu atau pada zaman ini, seperti penderitaan umat Islam dalam cengkaman pemerintahan komunis di Rusia, Palestin, di negeri Maghribi, di Al-Jazā'ir dan seterusnya....., kalau kita ingat pula akan kejayaan negeri-negeri Islam yang digali oleh orang-orang asing akan lombong-lombong minyak, besi, emas kekayaan hasil-hasil pertanian....., kalau kita kenang akan tekanan-tekanan terhadap kebudayaan, akhlak, iktikad-iktikad, dan cita-cita umat Islam supaya mereka tetap berkuasa di negeri-negeri Islam....., kalau semuanya itu kita kenang kembali, teringat pula kita akan cita-cita yang terkecewa dalam masa menuntut kemerdekaan, tentu kita akan teringat pula kepada peristiwa-peristiwa yang memalukan dan dosa-dosa yang menggoncangkan umat Islam, iaitu berhenti melaksanakan kewajipan sendiri dalam menghadapi bahaya-bahaya besar yang hampir menyelubungi mereka. Sesungguhnya yang menguatkan cita-cita dan harapan kita seketika, ialah kemenangan ketika berjuang menghadapi penjajahan, dapat kita mengusir tenteranya sesudah kita mengetahui bahawa mereka mempunyai kelengkapan yang cukup dan benteng

yang kukuh. Serangan musuh mestilah ditahan dan ditentang, sebagaimana langgaran kebudayaan, teknik, sosial, aliran fikiran dan akhlak mereka mestilah ditentang pula dengan sehebat-hebatnya.

Awas Kuman-Kuman Musuh

Tetapi yang sangat menggoncangkan, ialah bangsa-bangsa asing yang tidak suka kepada agama kita, kebudayaan kita dan susunan masyarakat kita, sentiasa menyuntikkan kuman-kuman penjajahan mereka ke dalam jiwa dan cara berfikir bangsa yang masih lemah itu dengan cara yang sangat halus. Mereka amat pandai menggunakan hawa nafsu anak muda-muda kita dan sifat-sifat bangsa kita yang suka kebarat-baratan. Hal yang demikian telah kelihatan dalam susunan sekolah-sekolah kita, cara perniagaan dan pejabat-pejabat kita. Periksa semua itu, tentu kita akan tersua dengan cara-cara komunis atau teknik-teknik kapitalis dan imperialis. Segala-galanya itu mereka lakukan dengan tidak disedari oleh kita.

Padahal kita mempunyai agama, iaitu agama Islam. Islam yang telah diterangkan al-Qur'ān (ertinya): "Siapa yang mencari selain Islam untuk mencari agamanya, maka tidak akan diterima daripadanya dan di akhirat ia daripada



Keterangan gambar: Majlis khatam al-Qur'ān satu tradisi baik dalam masyarakat Melayu.

orang-orang yang rugi.” (Āli-‘Imrān, 85). Kita mempunyai peraturan iaitu peraturan Islam. Kepada falsafah-falsafah Islam itulah disandarkan segala sesuatunya yang kadang-kadang sesuai dengan falsafah kapitalisme dan kadang-kadang sesuai pula dengan falsafah komunisme. Tetapi keterangan kita ini, hendaklah difahamkan, bahawa persesuaian itu hanyalah pada dasar-dasar kemerdekaan dan tuntutan yang menuju kepada kebaikan.

Apabila sesebuah negara tidak memberikan kepada kita kemerdekaan melaksanakan hukum-hukum Islam dengan cara yang mutlak, (bahkan Islam hendaklah menjadi tuan yang ditaati), maka bererti Islam masih dalam penjajahan.

Kita tidak dapat membayangkan Islam yang sebenar-benarnya, dengan tiada kedaulatan hukum Islam.

Dengan tiada pengaruhnya atas alam fikiran, cara berfikir, kebudayaan, peraturan hidup dan pergaulan hari-hari.

Perhatikanlah rahsia sembahyang, rukun yang kedua di dalam Islam. Dengan apakah orang-orang mengerjakan sembahyang dan mengapakah dipercuakan oleh kebanyakan kita? Pada hal semua orang Islam telah sedia mengetahui bahawa sembahyang itu wajib dikerjakan dan sangat besar faedahnya dan nilainya?

Menurut pendapat Nicholas bahawa sembahyang itulah yang menjadi latar belakang kemenangan umat Islam dalam “peperangan Badar” menentang tentera kaum musyrikin yang sangat besar jumlahnya dan kelengkapannya.

Nicholas berkata: Sesungguhnya kemenangan pengikut Muhammad dalam peperangan Badar melawan penyembah-penyembah berhala dari kaum musyrikin itu adalah suatu hal yang memang pada

tempatnyanya, kerana Nabi Muhammad dan pengikutnya, sentiasa berlatih secara tentera dan secara berjuang lima kali sehari di dalam masjid.

Menurut pendapat Shaykh al-Azhar, penjajahan dua kurun yang telah lalu ini, sebenarnya adalah kedengkian bangsa-bangsa yang mempunyai kekuatan kebendaan terhadap bangsa-bangsa yang mempunyai kekuatan akhlak dan budi. Puak penjajah mengharap-harapkan masa kelemahan pemerintah bangsa-bangsa yang berbahagia itu, yang sangat aman di tanah airnya.....

Puak penjajah itu sentiasa memperdaya bangsa-bangsa timur dengan mengatakan bahawa mereka datang dengan membawa kebudayaan, peraturan dan pengetahuan, tetapi yang sebenarnya mereka bawa hanyalah kulit-kulit kebudayaan dan kemajuan. Penjajah telah menipu orang-orang yang dapat ditipunya, iaitu orang-orang yang terpengaruh oleh mata benda yang nampak di mata.

Setelah berlaku berbagai kejadian antara kita dengan penjajah, terbukalah rahsia penjajahan dan bangsa kita pun mendapat pengetahuan baharu. Pertentangan terhadap penjajah makin hari makin bertambah hebat. Tipu daya mereka dapat dipecahkan dalam beberapa buah negeri, sedang beberapa negeri yang lain sentiasa dalam pertentangan.

Puak penjajah tidak berpuas hati dengan memasukkan agama, pengetahuan, kebudayaan, cara pergaulan hidup, dan berbagai-bagai barang dagangan mereka, sebagai ganti perampasan dan tipu daya mereka, kerana mereka tahu, bahawa semua itu diterima hanyalah kerana terpaksa bukan kerana kita ingini.

Suatu perkara lagi yang sangat merosakkan perasaan kita, ialah banyak kepercayaan tahyul, ajaran

bid'ah, pengertian-pengertian yang salah seperti tawakal, zuhud, qada' dan qadar dikatakan dengan berdasarkan ajaran Islam pada hal tidak difahamkan menurut kehendak Islam yang sebenarnya. Segala faham yang tida betul itu dipertahankan oleh pengetahuan-pengetahuannya sebagai ajaran Islam yang sejati, pada hal kalau dibandingkan dengan ajaran Islam yang sebenar-benarnya, sangat berlainan bahkan sangat memburukkan ajaran Islam yang tulen.

Tiga Bentuk Jihad

Semasa angkatan perang Islam kembali dari suatu medan pertempuran, Nabi Muhammad (S.A.W) bersabda (ertinya): Kita sekarang sedang kembali dari peperangan kecil dan akan menghadapi suatu peperangan yang besar.

Apakah peperangan besar itu ya Rasulullah? Tanya sahabat baginda.

“Peperangan seorang manusia menentang hawa nafsunya sendiri,” sahut baginda.

Jihad yang mesti kita laksanakan pada zaman kita sekarang ini ialah tiga corak:

Pertama: Menentang pihak yang anti Islam dengan cara yang selayaknya.

Kedua: Melatih diri sendiri supaya tidak ragu-ragu lagi terhadap Islam.

Ketiga: Bekerja keras membangun dan membina dengan berpandukan ajaran Islam. (Menyusun pertubuhan-pertubuhan yang bercorak baharu untuk memperkembang kebudayaan Islam dan dalam lapangan sosial. Menirikan tempat-tempat ibadat dan tempat-tempat belajar – sekolah dan rumah tumpangan pelajar. Menirikan kilang-kilang, menjalankan pertanian secara

besar, perdagangan keluar masuk dan juga membawa alat pertahanan.....).

Kesimpulannya, Islam yang sebenar-benarnya itu hendaklah diamalkan dalam segala lapangan hidup di tanah air masing-masing, bagi menghancurkan segala apa jua yang merosakkan umat Islam, dan seterusnya hendaklah mendirikan segala yang dapat memajukan umat Islam di dalam diri, masyarakat dan negaranya.

Kalau ada orang yang ragu-ragu terhadap ajaran Islam ini, dan mensifatkannya hanya sebagai dakyah dan propaganda parti-parti politik sahaja, kita persilakan dia membaca keterangan dari pujangga yang bukan beragama Islam iaitu pujangga Inggeris H.G. Wills. Ia berkata:

Agama yang betul-betul berjalan sesuai dengan kehendak kemajuan manusia dalam segala lapangan hidup ini hanyalah saya dapati dalam Islam...., kalau ada orang yang hendak meminta saya memberikan hakikat agama Islam maka hakikatnya itu ialah kemajuan. Agama Islam tidak ada kekurangannya. (lihat buku: *“Hādīr al-‘Ālim Al-Islāmī*).

Islam lengkap mengandungi segala faham kecerdasan fikiran manusia, menambah jelas kesempurnaan dan kelengkapan fahaman Islam itu.

Islam dapat menguatkan orang yang mengerjakan ajarannya dengan fahaman yang bernilai tinggi. Orang yang mengerjakan ajaran Islam sudah barang tentu akan mendapat kebahagiaan, yang menyebabkan pula seluruh alam merasakan bahagia. Ia telah dapat menakluk sebahagian dari benua Eropah.

Di Semenanjung Sepanyol telah didirikan sebuah kerajaan Islam. Kebudayaan yang telah dikembangkan oleh Islam di Sepanyol telah melimpahkan nikmat kepada dunia Eropah. Gustav Lobon dalam bukunya "*Tamadun Bangsa Arab*" yang diterjemahkan ke bahasa Arab oleh Al-Ustaz Muhammad 'Ādil Za'itar menerangkan bahawa mereka (orang Islam) telah membukakan pintu ilmu pengetahuan, peradapan dan falsafah bagi bangsa-bangsa Eropah, pada hal sebelum itu orang-orang Eropah tidak mengenal semua itu. Mereka telah memberikan kemajuan dan telah menjadi guru kepada bangsa-bangsa Barat sepanjang masa enam kurun.

Tentang kekalahan tentera Islam dalam pertempuran dengan tentera Charles Martel di selatan Perancis, memang telah menjadi pertanyaan yang sukar dijawab oleh ahli-ahli sejarah.

Dalam bukunya yang tersebut, Gustav Lobon menulis: Kalau umpamanya tentera Kristian itu tidak dapat mengalahkan tentera Arab Islam, dan bangsa Arab dapat pula bersesuaian dengan udara selatan Perancis itu sebagaimana di Sepanyol, sehingga mereka dapat bermastautin di sana, apakah gerangan yang terjadi di Eropah? Tentulah Eropah Kristian itu akan mengalami sebagaimana yang berlaku di Sepanyol, iaitu kemajuan dan kebudayaan yang tinggi suci. Tentulah di Eropah tidak akan terjadi peperangan agama, penyembelihan "malam Bartholomew" mahkamah pemeriksa iktikad kepercayaan, (dan lain kemalangan dan kejadian-kejadian yang kejam) yang telah menenggelamkan Eropah dalam lautan darah sepanjang masa beberapa ratus tahun lamanya.

Peristiwa-peristiwa Dunia Yang Memberi Pertolongan

Dalam masa kebangkitan Islam sekarang ini, beberapa peristiwa dunia yang telah memberikan pertolongan kepadanya, iaitu:

(1) Kepercayaan kepada politik bangsa-bangsa barat telah hancur, kerana perjanjian ahli politik mereka tak ada yang ditepati dan dipenuhi. Politik bangsa-bangsa barat sentiasa berakhir dengan hilangnya kemerdekaan bangsa lain, kekacauan dan peperangan – kemajuan yang dibawa oleh bangsa barat ke timur sentiasa membawa umat Islam ke neraka.

(2) Teori kapitalisme dan komunisme yang indah-indah bunyinya itu, telah nyata tidak membawa kebahagiaan kepada masyarakat. Bukti-buktinya telah mereka lihat sendiri dalam masyarakat beberapa bangsa.

(3) Teori dan faham-faham masyarakat moden yang telah diamalkan dalam masyarakat telah memunahranahkan kekayaan, kepahlawanan, kehormatan diri, keluarga dan masa dengan sia-sia sahaja. Perhubungan secara moden itu, hanyalah semboyan yang tidak ada ertinya sedikit jua pun.

(4) Letak kedudukan alam Islam yang sangat-sangat penting di tengah-tengah pusat dunia itu sangat-sangat menguntungkan pergerakan Islam menjalar ke seluruh dunia.

Kalau kita mengingati sejarah, tentulah kita akan mengetahui bagaimana pentingnya peranan laut tengah dalam politik, ekonomi dan letak kedudukannya dari segi perhubungan. Semuanya itu menyebabkan segala peristiwa politik dan masyarakat menimbulkan kesan yang sangat mendalam dan juga menimbulkan kejadian-kejadian lain yang baharu.

Tetapi kadang-kadang disebabkan tidak bijak menjalankan atau menggunakannya maka peristiwa-peristiwa itu hanya menjadi mangsa yang direbut oleh orang lain. Golongan lain tentu tidak akan membiarkan sesuatu peristiwa yang menguntungkan itu lalu begitu sahaja. Mereka sentiasa sedia menghadapi sesuatu peristiwa yang harus akan berlaku.

Alam Islam ialah suatu modal yang sangat besar bagi sesiapa yang mencintai perdamaian dan juga menjadi modal besar bagi mereka yang suka perang.

Tetapi kedudukannya yang penting itu, hanya dapat digunakan kalau umat Islam dapat bersatu di atas dasar yang betul dan dapat menyatukan arah menuju kepada petunjuk Allah dalam gerak kebangkitan dan kemerdekaannya.

Walaupun negara-negara Islam kita berjauhan antara satu dengan lain tetapi kemajuan teknik dan alat-alat perhubungan memberi kita sepenuh-penuh kesempatan dan kemudahan berhubung dan bekerjasama.

(5) Untuk menggunakan peristiwa-peristiwa yang harus berlaku, sambil menyusun suatu rancangan politik yang bijaksana dan mengatur berbagai-bagai usaha bantu-membantu antara negara-negara Islam, supaya dalam pergerakan itu tidak terhalang, maka umat Islam mestilah sentiasa sedar akan kedudukannya yang sangat penting itu dan sentiasa pula bekerja untuk kebahagiaan dan kemuliaan.

Perkara-perkara Penting

Ada beberapa perkara yang seyogialah disadari dan menjadi perhatian, iaitu:

Pertama: Menyamakan pengertian. Kita mestilah mencari persamaan pengertian tempat menegakkan ajaran-ajaran agama kita serta sama membuang yang bukan daripadanya. Begitu juga kita mestilah mencari titik persamaan pengertian dalam menghadapi kepentingan hidup di dunia moden ini.

Kedua: Bantu-membantu keperluan kebendaan, supaya kita mempunyai persediaan yang sempurna untuk kebahagiaan

dan kesanggupan yang cukup bagi menghadapi segala perkara yang harus berlaku. Semuanya itu akan kita dapati dari kilang-kilang dan latihan-latihan kita sendiri.

Ketiga: Menyamakan kebudayaan. Kita mestilah menyatukan faham dalam melaksanakan tujuan serta rancangan pelajaran dan pendidikan anak-anak kita. Kita boleh gunakan kebiasaan lama yang masih segar dan peraturan moden yang berfaedah. Kedu-duanya ini, mestilah dapat menyampaikan kita kepada matlamat yang menjadi tujuan kita. Sesudah itu, berjaga-jagalah janganlah pula kita di bahayakan oleh perkara-perkara kecil yang terjadi kerana dipaksa oleh keadaan negara atau daerah-daerah masing-masing.

Keempat: Bantu-membantu dan bekerjasama dalam soal ekonomi. Dunia Islam hendaklah menjadikan dirinya pembina dirinya sendiri. Kita janganlah lagi

Dicetak semula dua buku yang telah menggemparkan pada tahun 1948

Sepuluh tahun yang lalu buku ini telah menggemparkan.

Bilik 69

Telah dicetak empat kali – sekarang dicetak semula kali yang kelima. Tidak ada buku cerita Melayu yang dicetak sampai lima kali. Ini menjadi bukti ceritanya tentu luar biasa. Karangan Ahmad Lutfi.

Terkorban di Bilik 69

Juga buku karangan Ahmad Lutfi yang sekarang dicetak kali yang ketiga. Ceritanya masih sesuai dengan keadaan sekarang. Harga senaskhah \$1.00 pos 10 sen.

memakan, memakai dan menggunakan selain dari hasil pertanian, hasil kilang-kilang, dan barang-barang buatan tangan kita sendiri, walaupun harganya lebih mahal dari pengeluaran negara dan bangsa asing. Hal itu tentu tidak dapat kita laksanakan dalam keperluan-keperluan yang tidak ada pada kita dan dalam mempertimbangkan ekonomi dunia.

Kelima: Bantu-membantu dan bekerjasama soal sosial. Kita hendaklah mengusahakan supaya tidak ada seorang jua pun dari umat Islam menderita penghinaan, kemiskinan, penyakit-penyakit yang berbahaya dan kebodohan. Islam sendiri, mempunyai peraturan yang nyata tegas dalam soal menyelesaikan kerumitan masyarakat dan cara-cara pencegahan penyakit-penyakit masyarakat, yang dapat menyelamatkan orang Islam dan yang bukan Islam.

Undang-undang muamalat Islam itu, menjamin hak segala penduduk, baik yang Islam atau tidak. Sekalian penduduk dari berbagai-bagai golongan terjamin keselamatan jiwa dan harta benda serta hak-haknya. Mereka tidak akan mengalami kesukaran apalagi menderita bahaya. Kalau perkara itu dihuraikan lebih lanjut, sudah tentu banyak orang yang akan mengira, bahawa undang-undang muamalat itu bukan dari ajaran agama Islam.

Keenam: Bantu-membantu dan bekerjasama dalam soal ketenteraan. Hal itu tentu akan diadakan kalau kesanggupan kita sudah cukup, dan suasana politik *international* menghendaknya.

Pertubuhan Sedunia

Pada masa ini umat Islam sangat-sangat berhasrat kepada sebuah pertubuhan yang meliputi seluruh dunia Islam. Pimpinannya yang tertinggi hendaklah terdiri orang-orang yang betul-betul mengerti akan tuntutan peredaran zaman, pandai

menimbang akan politik-politik negara, pada mengarahkan pergerakan umat Islam itu menuju suatu cita-cita bersama, pandai menyusun kerjasama negara Islam itu menurut Islam sejati, sanggup bekerja menurut jejak Nabi, tidak berbelah bagi hatinya antara yang lebih kecil daripada yang lebih besar.

Pada saat itulah baharu umat Islam akan naik darjatnya dari sampah yang dihanyutkan oleh air bah sebagaimana yang digambarkan Rasulullah (S.A.W), iaitu menjadi umat yang kuat gagah, disegani dan dihormati, zahir dan batin.

Kaum terpelajar yang tidak memahami teori Islam menurut puncanya yang asal, tentu akan berpendapat: Kalau ajaran Islam diamalkan dalam masyarakat dan negara, tentu kemajuan akan terhenti dan hak-hak pemeluk agama lain akan tertindas. Kita akan menjawab: Orang-orang yang mempelajari Islam dari puncanya yang asal dan cukup mempelajari sejarah Islam dengan insaf, tentu tidak akan sedemikian itu perkataan dan pendapatnya.

Islam ialah kemajuan, kecergasan, keadilan, kebaikan, keindahan dan kesempurnaan. Bagi menegaskan bahawa mengamalkan Islam di dalam masyarakat dan negara akan menjamin hak-hak orang yang bukan Islam walaupun orang itu musuh dan anti Islam, Tuhan berfirman dalam Surah al-Ma'idah ayat 8, (ertinya):

“Janganlah kebencian kamu terhadap sesuatu kaum menyebabkan kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah kamu, kerana keadilan itu lebih dekat kepada takwa. Dan takutlah kamu kepada Allah, bahawasanya Allah amat mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”

Undang-undang Islam menyebutkan: Bagi memerintah sesuatu daerah, hendaklah diangkat orang yang lebih sanggup memelihara hak penduduknya dan memajukan kepentingannya.

Kebangkitan Timur

Di sini patut juga dikemukakan pendapat orang-orang asing sekadar menjadi penambah semangat pejuang-pejuang Islam kita.

Majalah *Readers' Digest*, pernah menyiarkan rencana seorang penulis Amerika. Penulis itu menerangkan bahawa: Kebangkitan bangsa-bangsa Timur menuju kebenarannya, mestilah akan berdiri di atas sendi Islam. Kebangkitan Timur itu sudah barang tentu akan melebihi besar dan hebatnya kebangkitan-kebangkitan yang pernah berlaku dalam sejarah.

Setelah itu dijelaskannya pula bahawa negara-negara Barat telah kehilangan sebahagian besar dari simpanan buminya dan juga telah kehilangan faedah ilmunya. Oleh itu, dan kerana penduduknya maka negara-negara Barat merasa perlu kepada simpanan bumi Timur bagi menutupi kekurangan yang makin sehari makin bertambah. Lebih lanjut ditegaskan lagi, bahawa setiap orang yang mengunjungi Timur, terutama negara-negara Asia, tentu akan diketahui bahawa agama Islam sangat besar pengaruhnya kepada kehidupan rakyat umum. Mereka memandang Islam itu sangat besar dan suci. Orang akan melihat bahawa di sana ada barisan tebal dan teguh dari negara-negara Asia. Dari Pakistan negara Asia yang besar sekali sampai ke Indonesia, dari timur tengah santak ke negara Maghribi di tepi lautan Atlantik.

Semua negara-negara Islam itu sangat marah kerana berdirinya negara Israel. Dalam pandangan mereka, negara Israel hanyalah suatu khayal semata-mata, meskipun sekarang ada kelihatan batas-batas sempadannya dalam peta dunia. Negara Israel telah dapat menolong bagi menimbulkan persatuan azam umat Islam seluruh dunia, kerana wujudnya bahaya Yahudi di salah satu tanah sucinya.

Muktamar-muktamar yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin politik Islam yang telah dan yang akan bersidang, menyatakan kebenaran apa yang kita katakan itu.

Penulis besar Amerika itu menutup tulisannya dengan berkata: Kalau orang meramalkan peristiwa apa yang harus berlaku pada masa yang akan datang, dengan mengambil perbandingan kepada peristiwa yang ada sekarang, maka saya sanggup berkata, bahawa umat Islam akan mempunyai satu negara, walaupun untuk itu berkehendakkan masa 15 hingga 35 tahun lagi.

Agama Islam yang sebenar-benarnya ialah benteng tuan yang teguh. Agama Islam ialah pokok pangkal kejayaan tuan. Marilah kita menegakkan agama yang hidup ini wahai pemimpin kemanusiaan.

Wa lā tahinū wa lā taḥzanū wa antumu al-a'lawna in kuntum mu'minīn²

“Janganlah kamu merasa hina dan janganlah berdukacita. Kamulah – wahai umat Islam – umat yang tertinggi sekali (di atas mercu kemajuan) jika kamu beriman!”

² Alī 'Imrān: 139